

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

### NOTIS DAN PILIHAN

#### **Pengenalan**

PST Travel Services Sdn Bhd mengambil berat tentang perlindungan Data Peribadi anda dan dengan bangganya kami menyatakan bahawa kami melindungi privasi anda sebagai hal yang sangat penting. Notis ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang bagaimana Data Peribadi anda digunakan, bila ianya dikongsi dengan orang lain, dan bagaimana kami melindungi kerahsiaan dan keselamatannya. Ini adalah untuk melindungi privasi Data Peribadi anda sejajar dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”) yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2013.

Notis ini juga sah untuk semua pengguna laman web kami dan/atau servis kami walau apa pun tujuannya dan tidak terhad kepada Tempahan Perjalanan, Jualan Korporat, Penyelidikan Pemasaran, dan Perhubungan/Khidmat Pelanggan.

Kami, The PST Travel Services Sdn Bhd (“PST”), anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “kami”), dengan ini ingin memaklumkan kepada anda yang data peribadi anda diproses oleh kami dan kami akan menggunakan data peribadi anda seperti berikut:

#### **Jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpul?**

Jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpul secara langsung daripada anda atau pihak ketiga mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada);

1. Nama
2. Jantina
3. Tarikh Lahir
4. No. Kad Pengenalan
5. Kewarganegaraan
6. E-mel
7. Alamat Syarikat
8. Alamat Rumah
9. Nombor untuk dihubungi ketika kecemasan
10. Butir-butir kad kredit
11. No. Keahlian Penerbangan Kerap;
12. Keahlian Loyalti Hotel;
13. Keahlian Sewa Kereta;
14. Jawatan;
15. ID Pekerja (bagi klien korporat);
16. Informasi yang perlu untuk pelancongan;
17. Butir-butir untuk dihubungi;
18. Keperluan khas/keperluan makanan;

## **Bagaimana kami mengumpul Data Peribadi anda?**

Untuk pengurusan efektif dalam bisnes dan servis, kami mengumpul Data Peribadi anda dari pelbagai sumber untuk tujuan memahami kehendak terkini atau yang baru, memastikan kehendak-kehendak ini dikecapi juga untuk menyediakan dan memperibadikan servis kami. Cara pengumpulan Data Peribadi, antara lain, adalah seperti berikut;

- Melalui tempahan secara online/offline dengan kami;
- Melalui Borang Profil Pengembara;
- Melalui Borang Kebenaran Kad Kredit;
- Melalui tempahan online/offline melalui pihak ketiga i.e agensi pelancongan;
- Melalui telefon, surat, fax, emel;
- Bila anda dengan sukarela melawat kami dengan sendiri;
- Bila anda menghubungi kami;
- Bila kami menghubungi anda;
- Bila anda melawat laman web kami, dan pelayar internet anda berinteraksi dengan kami;
- Bila anda berinteraksi dengan kami melalui media sosial.

## **Untuk apa kami guna Data Peribadi anda?**

Kami mungkin menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan berikut (“Tujuan”):

- Untuk pengesahan, memudahkan dan memproses Data Peribadi untuk tempahan urusan pelancongan anda seperti tempahan hotel, pengangkutan, urusan darat, tiket masuk dan tiket penerbangan;
- Untuk memproses sebarang bayaran melalui kad kredit;
- Untuk informasi sedia ada Visa;
- Untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda dan/atau pelanggan lain;
- Untuk menjaga akaun dan rekod kami;
- Untuk menguatkuasakan hak-hak dan kewajipan dalam kontrak dan perundangan;
- Untuk mematuhi sebarang syarat-syarat perundangan atau peraturan;
- Untuk tujuan pentadbiran;
- Untuk tujuan akaun (pembilan dan audit);
- Untuk imigrasi, kawalan kastam;
- Untuk keselamatan, sekuriti, statistik dan analisis pemasaran, pengurusan sistem informasi, sistem percubaan;
- Untuk tujuan laporan pelancongan;
- Untuk penyelenggaraan dan pembangunan, operasi, sokongan, ‘survey’ pelanggan, khidmat pelanggan; dan
- Untuk meningkatkan dan membantu kami pada urusan dengan anda yang akan datang, yakni dengan menentukan keperluan dan pilihan anda.
- Untuk memastikan tempahan dibuat mengikut keperluan; dan/atau
- Pengurusan Krisis

## **Penggunaan Data Peribadi yang dikumpulkan**

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami sentiasa menambah baik dan memperluas perkhidmatan kami untuk memenuhi keperluan anda yang sentiasa meningkat. Bagi merealisasikan sasaran perniagaan ini, kami akan melantik, memberi kuasa atau menandatangani kontrak dengan rakan niaga strategik dari semasa ke semasa.

Dalam keadaan yang ditetapkan dalam dasar ini di mana PST memberikan maklumat anda kepada pihak ketiga, kami akan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang digunakan oleh pihak tersebut berkenaan pemprosesan data anda adalah sekurang-kurangnya seketat langkah-langkah yang diguna pakai oleh PST, walaupun bukan lebih baik. Ini tidak diguna pakai jika kami perlu memberikan maklumat anda kepada pihak ketiga atas kehendak undang-undang.

Sekiranya kami mengalami peralihan perniagaan, seperti penjualan sebahagian atau keseluruhan aset kami, penggabungan atau pengambilalihan, kemungkinan besar maklumat anda akan menjadi sebahagian daripada peralihan ini dan akan dipindah milik.

## **Berapa lamakah Data Peribadi anda disimpan?**

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama dari yang diperlukan untuk memenuhi Tujuan. Dalam kebanyakan situasi, kami hanya akan menyimpan data peribadi anda untuk jangka masa yang munasabah atau mengikut undang-undang. Bagi klien korporat, Data Peribadi pelancong korporat akan berada di dalam sistem tempahan sehingga pelancong tidak lagi bekerja di syarikat tersebut. Apabila notifikasi diterima oleh klien korporat berkenaan peletakan jawatan staf, Data Peribadi mereka akan dipadam dari sistem.

## **Kepada siapa kami dedahkan Data Peribadi anda?**

Kami tidak akan menjual atau menyewakan sebarang Data Peribadi anda kepada pihak ketiga. Kami mungkin akan mendedahkan atau berkongsi Data Peribadi anda, yang dikumpulkan dari informasi yang diberikan oleh anda, kepada pihak-pihak ketiga tersebut yang berada di dalam atau di luar Malaysia untuk memenuhi Tujuan. Pihak-pihak tersebut adalah seperti berikut:

1. Anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan PST yang mana perlu untuk memudahkan pelancongan anda;
2. Kepada syarikat berkaitan, anak-anak syarikat, pengusaha tanah, pengusaha hotel, ejen tempahan, pembekal pengangkutan, sewa kereta, pemborong, kedutaan, Syarikat Penerbangan, kastam dan imigresen, syarikat-syarikat medikal dan sekuriti, panduan pelancongan atau pihak ketiga yang lain untuk memudahkan urusan komersial anda;
3. Apabila diperlukan oleh undang-undang, proses pertanyaan undang-undang daripada pihak berkuasa dan / atau perkara yang berhubungan dengan kehidupan, kematian, keselamatan, kesihatan atau harta individu atau perbadanan, dan / atau mana-mana kewajipan berkanun atau perlembagaan yang berkaitan.

4. Bank kami untuk mendapatkan kebenaran bagi urusan niaga dan untuk pembayaran.;
5. Lain-lain kontrak pemproses data/kuasa;

## **Sekuriti**

Kami menggunakan semua pendekatan yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada hilang, disalah guna atau diubah. Hanya kakitangan dan ejen berdaftar, yang wajib memastikan kerahsiaan berkenaan, boleh mengakses maklumat peribadi anda. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab terhadap sebarang identiti pengguna atau kata laluan yang digunakan di laman web kami. Anda patut mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya untuk melindungi maklumat ini.

## **Kuki**

Kuki ialah secebis data yang disimpan dalam pemacu cakera keras pengguna yang mengandungi maklumat mengenai pengguna tersebut. Penggunaan kuki tiada hubung kait langsung dengan mana-mana maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi semasa melawat laman web kami.

Ini membolehkan sistem kami mengenali pelayar web anda daningati butir-butir anda. Maklumat ini hanya boleh diakses oleh kakitangan PST yang dibenarkan; pengguna Internet dan syarikat lain tidak boleh mencapai maklumat ini. Kuki ID sesi akan luput apabila anda menutup pelayar anda. Kuki gigih akan kekal di cakera keras anda untuk suatu tempoh yang lama.

## **Notifikasi sebarang Pertukaran**

Sila ambil perhatian bahawa Notis ini akan dipinda dari masa ke masa mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai dan sebarang perubahan adalah sah terhadap anda.

Versi terbaru Notis ini boleh didapati kepada semua pelanggan. Sila lawati laman web kami dari masa ke masa untuk Notis yang dikemaskini.

## **Persetujuan Anda**

Anda dianggap mempunyai pengetahuan dan telah bersetuju terhadap Notis kami apabila kami menghantar/memaparkan/menarik perhatian anda/meletakkannya di laman web kami dan/atau mengiklankan Notis.

Secara umumnya, dengan menggunakan laman web/servis PST, anda bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan maklumat ini oleh PST dalam cara yang diuraikan di atas (yang mungkin berubah dari semasa ke semasa) melainkan dan sehingga anda memaklumkan kami sebaliknya. Jika anda telah memberikan kami maklumat peribadi individu pihak ketiga dalam parti perjalanan anda, anda dikehendaki mendapatkan persetujuan individu dan anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah mendapatkan

persetujuan mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami.

Dalam kebanyakan keadaan, ia adalah wajib bagi anda untuk memberikan kami maklumat peribadi anda untuk membolehkan kami memenuhi permintaan anda atau menyediakan anda dengan perkhidmatan yang anda minta. Walau bagaimanapun, jika berkenaan, kami akan menyediakan anda dengan peluang untuk memilih keluar atau berhenti melanggan daripada menerima pemasaran, komunikasi, tawaran promosi, surat berita atau apa-apa komunikasi lain dari PST.

### **Akses/Mengehadkan/Pembetulan/Pengemaskinian Data Peribadi**

Anda boleh meminta untuk mendapatkan informasi Data Peribadi anda, mengehadkan proses Data Peribadi anda dan juga mengemaskini atau meminda jikalau terdapat kesalahan pada Data Peribadi anda dan/atau menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan dan aduan. Untuk tujuan ini, anda boleh menghubungi kami seperti berikut:

#### **Pegawai PDPA yang bertugas,**

PST Travel Services Sdn Bhd,  
Suite 10-3, Heritage House,  
No. 33, Jalan Yap Ah Shak,  
50300 Kuala Lumpur  
Tel No: 603-26172157  
E-mel: pdpa.info@pst.com.my